

*Tarbiyah Pengasas Siri 52*

*16 Mei 2023*

## **TINGKAT-TINGKAT IMAN**

*Prof Dr Muhammad Syukri Salleh*

### **Soalan Profesor Madya Dr Mohd Shukri Hanapi**

Y.Bhg Prof. ISDEV mempunyai tiga teras kekuatan iaitu iman, ukhuwwah dan keselaran kefahaman, pemikiran dan tindakan. Pada kesempatan pertemuan kali ini, saya ingin memfokuskan pada teras yang pertama sahaja, iaitu teras iman.

Apakah tingkat-tingkat iman?

Jawapan

Tingkat-tingkat iman ada lima, seperti berikut:

#### **1. Iman Taqlid**

- (i) Iman **ikut-ikut, iman pak turut**. Beriman dengan semua rukun iman hanya secara menurut-nurut orang lain.
- (ii) **Pegangan Islamnya** tidak kuat, prinsip Islamnya tidak kukuh. Tidak ada alasan yang kuat mengapa dia beriman. Hanya ikut apa orang kata, tanpa ada hujah, dalil dan bukti keyakinan (tidak ada dalil apa yang diyakini)
- (iii) **Sifat** orang-orang yang beriman taqlid, ikut angin/musim. Misalnya berjoget lambak, berdakwah, dan beraulud bercampur-aduk. Tahu salah, tetapi

imannya tidak mampu membendung keinginan nafsu liar.

- (iv) **Status** orang iman taqlid tidak semestinya orang bodoh atau orang miskin. Mereka boleh jadi orang cerdik, kaya dan berpangkat. Tetapi tidak ada ilmu agama.

**(v) Akibatnya:**

- (a) Mereka tidak sayang kepada Islam. Tidak cinta pada Allah dan tidak taat pada hukum-hukum-Nya. Malah secara membabi buta menentang dan memusuhi agama mereka sendiri.
- (b) Mereka tidak sanggup berdepan dengan ujian hidup.
- (c) Umat Islam akan jadi rendah dan hina di mata musuh, mudah dibeli dan dijual, diperkotak-katikkan sebagai alat buat menjayakan sistem hidup dan ideologi musuh Islam.

**(vi) Kedudukan:**

- (a) Iman taqlid ini **tidak sah** (bagi orang yang pintar, cerdik dan mampu berfikir), kecuali mereka yang terlalu bodoh, walaupun belajar tetapi tidak dapat. Maknanya Allah tidak iktiraf dia sebagai orang yang beriman.
- (b) Akibatnya: Apabila iman tidak diterima, maka **seluruh amalannya juga tidak akan diterima**. Kalau lahir orang itu mati dalam keadaan iman taqlid, tidak pun berniat untuk menuntut ilmu,

menambah iman, maka matilah ia sebagai mati orang kafir. Tempatnya dalam Neraka, kekal abadi selama-lamanya.

## 2. Iman Ilmu

- (i) Orang yang **ada ilmu** (sekurang-kurangnya tentang 41 sifat keTuhanan, yakni 20 sifat wajib, 20 sifat mustahil, dan 1 sifat harus bagi Allah SWT, dan 9 sifat keRasulan, yakni 4 sifat wajib, 4 sifat mustahil, dan satu sifat harus bagi Rasul) secara ijmal (ringkas, tetapi lengkap dengan kupasan dan dalil-dalil aqli dan naqli).
- (ii) Mereka meningkat ke iman ilmu kerana **menuntut ilmu**.
- (iii) **Iktiqad** orang iman ilmu disertai dalil yang kuat serta pegangan yang kukuh.
- (iv) Mereka ini tidak **mudah digoyang atau dihanyutkan** oleh fahaman-fahaman lain.
- (v) Mereka bukan sahaja **tidak akan tunduk** pada idea-idea yang anti-ketuhanan, tetapi juga mampu menentang idea-idea itu dengan hujah-hujah yang menjadi keyakinan mereka selama ini.
- (vi) **Keyakinan** mereka terhadap Islam sangat mantap. Fikiran mereka **tidak akan menerima sebarang keraguan dan was-was** yang cuba ditimbulkan oleh mana-mana pihak pun. Mereka benar-benar berada dalam fikiran tauhid yang mantap dan unggul.

- (vii) **Keyakinannya** berasas dan kuat bertunjang pada fikirannya.
- (viii) Tetapi orang-orang yang beriman ilmu ini **tidak beramal dengan ilmunya**. Ilmu hanya tersangkut di akal, tidak sampai ke hati.

### 3. Iman ‘Ayan

- (i) Ada ilmu dan **beramal** dengan ilmunya.
- (ii) Iman ‘ayan adalah iman yang **paling rendah** yang dikira sempurna dan diterima Allah SWT.
- (iii) Seseorang boleh **meningkat ke iman ‘ayan** dengan beramal.
- (iv) Orang iman ‘ayan **sudah mampu tegakkan** keluarga Islam dan memperjuangkan Islam.
- (v) Mereka akan **masuk syurga** cuma lambat kerana kena hisab (sebab melakukan perkara-perkara harus), tetapi tidak masuk neraka. Di syurga, masih “berjawatan rendah”.
- (vi) **Gelaran** bagi orang iman ‘ayan ini ialah:
  - (a) Orang-orang **soleh** (orang-orang baik).
  - (b) Golongan **Abrar** (orang-orang berbakti).
  - (c) Orang-orang **Muflihuun** (orang-orang yang mendapat kemenangan).
  - (d) Golongan **Al-Faizuun** (golongan yang mendapat kemenangan).

- (e) **Ashabul Yamiin** (orang-orang yang akan menerima suratan amal dari sebelah kanan di Padang Mahsyar nanti).

#### **4. Iman Haq (Iman sebenar)**

- (i) **Mampu melihat Allah** dengan mata hati (ihsan).
- (ii) Apa jua yang dilihat, dirasa, dialami **dihubungkan dengan Allah.**
- (iii) Rasa takut, hebat, puja, sanjung, dan kasihkan Allah datang **secara spontan (otomatik)** tanpa paksa. Misalnya melihat keindahan alam (timbul rasa hebatnya Allah), mendapat perkara yang menggembirakan (timbul rasa Penyayangnya Allah) terserempak dengan dosa (rasa takut seumpama terserempak dengan harimau – takut), dan sebagainya.
- (iv) **Contoh:** **Guru saya** ketika melihat perempuan di Thailand ketika menunggu lif, takut seumpama takut kepada binatang buas. Semua kerana takut kepada Allah, malu kepada Allah, cinta kepada Allah.
- (v) **Rabiatal Adawiyah** yang cinta kepada Allah berkata: “Aku menyembah bukan kerana takutkan Neraka-Mu, tidak juga kerana harapkan Syurga-Mu, tapi kerana kemuliaan dan cintaku pada-Mu.”
- (vi) Orang iman haq **tidak langsung dapat dilalaikan oleh nafsu dan syaitan.** Malah syaitan takut. Misalnya, Sayidina Umar r.a. melintasi suatu jalan maka syaitan

tidak lagi akan melintasi jalan itu kerana takutnya pada Sayidina Umar.

- (vii) Bagi orang iman haq, **orang-orang soleh (mereka yang beriman ‘ayan) masih dianggap sebagai orang-orang jahat** kerana orang iman ‘ayan masih kena hisab dan lambat masuk syurga. Itu satu penyiksaan bagi orang beriman haq.
- (viii) **Gelaran** bagi orang iman haq: **Muqarrobin** (orang-orang yang hampir dirinya dengan Allah).
- (ix) **Sifat** orang iman haq:
  - (a) Zahid
  - (b) Ikhlas
  - (c) Waraq
  - (d) Menunaikan semua perintah Allah
  - (e) Tidak takut dengan bala Allah, dan tidak gembira dengan nikmat Allah
  - (f) Tidak makan dipuji dan tidak hina bila dicaci.
  - (g) Segala masalah yang menimpa walau apa pun bentuknya sama sahaja pada mereka.
  - (h) Ujian-ujian yang biasanya tidak tertanggung oleh orang-orang awam tidak pun menjaskan hati mereka.
  - (i) Segala kesedihan, kesempitan, kegelisahan dan kekecewaan yang sering dirasakan oleh manusia biasa tidak pernah sedikit pun menganggu jiwa mereka.
  - (j) Dalam apa sahaja suasana, mereka tenang, lapang, lega dan bahagia. Mereka sentiasa rasa bahagia.
  - (k) Sebenarnya mereka telah memperolehi syurga di dunia lagi.

- (l) Hati orang-orang muqarrobin tidak langsung terpaut pada dunia. Pada mereka dunia ini tidak ada nilai apa-apa pun. Harta benda, wang ringgit, pangkat darjat, dan keseronokan-keseronokan lainnya pada mereka seperti najis atau bangkai. Misalnya Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar al-Khattab, Sayyidina Abdul Rahman bin 'Auf, Sayyidina Uthman bin Affan, Sayyidina Zubair al-Awwam – harta mereka diletak di tangan, bukan di hati – menjadi sangat pemurah untuk Islam.
- (m) Orang-orang muqarrobin yang punya iman haq inilah telah menguasai dan menawan tiga suku dunia, dan telah dapat menegakkan sebuah sistem pemerintahan yang benar-benar aman, makmur lagi diredhai Allah. Iman kekasih-kekasih Allah, termasuk sahabat-sahabat Rasulullah SAW.

## 5. Iman Haqiqat

- (i) Peringkat iman yang **tertinggi, iman kemuncak**, iman yang paling **sempurna**
- (ii) Mereka telah **melalui taraf iman ilmu, iman ayan dan iman hak**, dan akhir sekali barulah mencapai iman hakikat
- (iii) **Iman ini dimiliki** oleh Rasul-rasul, Nabi-nabi, khulafa' ur Rasyidin dan wali-wali besar, yakni para kekasih Allah.
- (iv) Mereka akan **tempatkan di Syurga yang tertinggi tanpa melalui sebarang hisab** atau perkiraan.

- (v) Mereka **tenggelam dalam kerinduan, asyik dan mabuk dengan Allah**. Mereka mempunyai hati yang penuh rindu dan cintakan Allah.
- (vi) Di Akhirat, Allah tempatkan mereka di **syurga tertinggi**, syurga yang maha indah dan maha lazat, sebagai balasan Allah terhadap cinta dan pengorbanan mereka yang sungguh besar.
- (vii) Merekalah **golongan super-scale Akhirat**.